

07 JUN 1996
Megat-Syabu
DADAH TIRUAN SYABU MENULAR KE SARAWAK

KUALA LUMPUR, 7 Jun (Bernama) -- Sejenis dadah tiruan yang dikenali sebagai "Syabu", yang boleh menyebabkan penggunanya mengalami ketagihan amat teruk jika digunakan secara berterusan, kini dikesan menular ke Sarawak.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Megat Ayob hari ini berkata dadah itu, yang dikesan di Sabah beberapa tahun lepas setelah diseludup dari Filipina, didapati berada di Sarawak sejak beberapa bulan lepas.

"Syabu pada mulanya dikesan di Labuan dan kini merebak ke Sarawak. Lambat laun ia akan sampai ke sini (Semenanjung) jika tidak dikawal," katanya selepas menyampaikan sumbangan syarikat swasta kepada PEMADAM, di ibupejabat persatuan itu di sini.

Syabu atau nama kimianya "Methamphetamine" diperbuat daripada campuran serbuk "ethyl-ether" atau sodium bikarbonat yang disenaraikan dalam Akta Racun 1952. Ia berbentuk seperti kristal halus tanpa warna, tidak berbau dan berasa pahit.

Laporan polis Sabah menunjukkan dari Jan hingga Ogos 1995, sebanyak 109.808 gram Syabu dirampas di negeri itu berbanding 54.5 gram pada keseluruhan tahun sebelumnya.

Antara kesan penggunaan Syabu ialah mata menjadi kabur, pendengaran kurang jelas, gatal di seluruh badan, sakit dada, loya dan tidak sedarkan diri sehingga boleh membawa maut.

Megat Junid berkata polis sentiasa membuat rondaan mengawal kawasan sempadan negara dan berkerjasama dengan pihak berkuasa negara jiran untuk membanteras kegiatan penyeludupan dadah ke negara ini.

"Bagaimanapun, kita sedia maklum bahawa 60 peratus daripada dadah yang diseludup ke dalam negara ini didatangkan dari kawasan perairan negara yang amat luas," katanya.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika mempengerusikan mesyuarat Majlis Dadah Kebangsaan (MDK) meminta polis mengawal dengan lebih ketat kawasan sempadan negara untuk mengawasi kemasukan dadah ke negara ini.

Megat Junid yang juga presiden PEMADAM berkata satu kumpulan kalangan bekas penagih yang telah pulih akan dilatih menjadi penceramah di bawah program kelolaan MDK dan mereka akan dihantar ke kawasan-kawasan lama mereka untuk membawa mesej mengenai akibat penggunaan dadah.

"Mereka dijangka dapat memainkan peranan lebih berkesan untuk menyampaikan maklumat kepada penagih di samping dapat mengelakkan kes penagihan berulang. Kita dapati terdapat kira-kira 61 peratus kes penagih yang dipulihkan kembali menagih," katanya. -- BERNAMA

AZH NAK